

07/05/1998

Kajian projek kereta api siap Jun

KAJIAN kemungkinan mengenai projek Kereta Api Trans Asia dari Singapura ke Kunming, China, dijangka siap Jun ini, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurut, hasil kajian itu akan dijadikan asas pertimbangan bagi pelaksanaan projek itu yang diluluskan pada persidangan kemuncak Asean kelima di Bangkok pada 15 Disember 1995.

"Mengenai anggaran kos projek itu di Maaysia, ia tidak memerlukan apa-apa perbelanjaan besar kerana laluan kereta api di negara ini sudah siap. Tiada kos tambahan diperlukan bagi projek itu.

"Ini projek antarabangsa yang membabitkan semua negara anggota Asean dan China," katanya menjawab soalan Lim Siang Chai (BN-Petaling Jaya Selatan), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, kajian kejuruteraan itu meliputi bidang yang luas seperti topografi, rekabentuk kejuruteraan terperinci, standard yang minimum perlu dipenuhi serta kos dianggarkan untuk membina landasan serta laluan.

"Semua itu harus dikaji dan ia perlukan satu jangka masa," katanya.

Sehubungan itu, beliau sekali gus menolak pandangan Wan Mohd Jamil Wan Mahmood (Pas-Tumpat) supaya projek itu dibatalkan atas alasan ia akan menambah beban negara dalam kegawatan ekonomi ketika ini.

Projek itu dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Sidang Kemuncak Asean di Bangkok itu dan diterima sebulat suara.

(END)